

Publication: Oh! Semput

Date: 19th October, 2019

Headline: Rural Entrepreneurs Should Have Their Own Initiatives to Ensure Business Success

Usahawan luar bandar perlu ada inisiatif sendiri pastikan perniagaan berjaya



PUTRAJAYA: Usahawan luar bandar dinasihatkan tidak terlalu bergantung pada bantuan kerajaan kerana ia hanya sebagai pemangkin atau batu loncatan untuk menyokong mereka.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata usahawan berkenaan sebaliknya perlu ada inisiatif sendiri bagi memastikan perniagaan mereka berjaya.

"Selain itu, bantuan diberi oleh kerajaan perlu digunakan sebaik-baiknya bagi memajukan perniagaan dan bukan untuk kepentingan peribadi.

"Aspek pemasaran juga antara cabaran dihadapi usahawan luar bandar dalam mengembangkan perniagaan. Buat masa ini, kebanyakan mereka bergantung pada pasaran domestik dan hanya sebahagian kecil untuk pasaran eksport.

"Perkara ini dipengaruhi beberapa faktor. Antaranya, kualiti produk dan perkhidmatan, jaringan pemasaran lemah dan tidak meluas, tiada pensijilan, strategi tidak berkesan serta kurang promosi," katanya dalam ucapan sempena Karnival Usahawan Desa () Putrajaya 2019, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Rina berkata, beberapa strategi perlu dilaksanakan untuk produk keluaran usahawan luar bandar menguasai pasaran domestik dan menembusi pasaran global, termasuk mempelopori pemasaran secara dalam talian.

"Bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ada Program yang boleh dimanfaatkan usahawan luar bandar bagi memasarkan produk secara dalam talian melalui platform Lazada, Shopee dan PrestoMall," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan akan menambah baik ekosistem keusahawanan sedia ada bagi menyokong usaha melahirkan usahawan desa berjaya, sekali gus meneruskan agenda pemerkasaan pembangunan komuniti itu.

Bagaimanapun, katanya, faktor modal adalah halangan utama dalam usaha menggalakkan keusahawanan di luar bandar.

"Dalam hal ini, kerajaan menyediakan inisiatif serta kemudahan pembiayaan yang diterajui pelbagai agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corporation Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN," katanya.

Sementara itu, pada sidang media, Rina memaklumkan nilai jualan berjumlah RM14.74 juta berjaya direkodkan sepanjang dua hari Putrajaya 2019 berlangsung setakat semalam.

Beliau berkata, nilai itu membabitkan jualan bagi pelbagai segmen ditawarkan pada Putrajaya 2019 seperti e-seller dan vendor mesin.

"Nilai jualan terbabit adalah untuk dua hari, iaitu Khamis dan semalam, manakala sasaran jualan serta tempahan keseluruhan bagi lima hari penganjuran hingga Isnin ini ialah RM40 juta," katanya.